

03/11/2001

Malaysia bebas ancaman pengganas

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia kini bebas daripada ancaman pengganas berikutan tindakan pantas pasukan keselamatan menahan anggota kumpulan militan yang merancang menimbulkan huru-hara di negara ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata mengikut siasatan polis, kumpulan itu sudah merancang beberapa tindakan jenayah dan sudah melaksanakan pembunuhan seorang wakil rakyat dan rompakan sebuah bank.

"Tetapi dalam siasatan polis, ada beberapa lagi rancangan tetapi tak mampu atau sempat dilakukan.

"Sebab itulah selepas kita tangkap mereka dan tahan mereka mengikut ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri), sekarang ini ancaman itu tidak timbul lagi," katanya selepas merasmikan Kongres Profesional Muda Melayu (KPMM) Aeroangkasa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dekat sini, petang ini.

Kongres dua hari itu anjuran Ansara dan Kumpulan Industri-Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi Malaysia (Might).

Najib diminta mengulas laporan agensi berita asing yang memetik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika wawancara dengan British Broadcasting Corporation (BBC) bahawa satu kumpulan yang mempunyai hubungan dengan Taliban merancang menyerang tentera laut Amerika Syarikat yang singgah di sini.

Perdana Menteri, dalam wawancara itu berkata anggota kumpulan itu pernah belajar di Pakistan dan melawat Afghanistan dan terbabit dengan militia Taliban.

"Kumpulan itu terbabit dengan Osama (bin Laden), mereka ada merancang menyerang beberapa kelasi Amerika yang berada di sini bila kapal mereka berlabuh," katanya.

Dr Mahathir, bagaimanapun, tidak menamakan kumpulan itu atau menyatakan bila serangan itu akan dilakukan atau mereka yang terbabit dalam rancangan itu.

Najib yang enggan mendedahkan butiran rancangan kumpulan itu, menegaskan kepada rakyat dan masyarakat antarabangsa keadaan keselamatan di Malaysia terjamin.

"Kerajaan akan pastikan ancaman pengganas tidak timbul. Ini komitmen kepada rakyat dan masyarakat antarabangsa," katanya.

(END)